

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)26**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

26. Pembangunan yang pesat di sekitar Bayan Baru saban tahun telah mengakibatkan penambahan penduduk yang agak banyak. Tetapi pusat pentadbiran Daerah Barat Daya masih terletak di Balik Pulau.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memindah pusat pentadbiran daerah ataupun mewujudkan satu sub pusat pentadbiran daerah di Bayan Baru?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. (a) Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya terletak di Jalan Sungai Pinang, Balik Pulau. Lokasi ini memberikan kemudahan kepada penduduk setempat dan luar bandar untuk berurusan dengan pihak kerajaan. Dengan populasi masyarakat setempat yang semakin meningkat, amatlah bersesuaian untuk mengekalkan pentadbiran kerajaan di sana bagi tujuan orang awam mendapatkan perkhidmatan dengan lebih cepat dan mudah tanpa perlu pergi ke pusat pentadbiran Kerajaan Negeri di KOMTAR, George Town.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk memindah pusat pentadbiran Daerah Barat Daya atau mewujudkan sub pusat pentadbiran di Bayan Baru.